

08 OCT 1998

ALATAS NAFI SPEKULASI MENGENAI PEMBATALAN LAWATAN HABIBIE

JAKARTA, 8 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas hari ini menafikan spekulasi bahawa Presiden B.J. Habibie membatalkan lawatannya ke Kuala Lumpur tidak lama dahulu kerana perkembangan politik di Malaysia.

"Saya mahu menjelaskan bahawa pembatalan itu tidak ada kaitan dengan perkembangan di Malaysia selepas Perdana Menteri (Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad memecat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Datuk Seri) Anwar Ibrahim," katanya kepada pemberita selepas bertemu Habibie di Istana Merdeka.

Habibie tidak lama dahulu dijadualkan melakukan lawatan sehari ke Kuala Lumpur pada pertengahan bulan ini untuk membincangkan perkara-perkara kepentingan dua hala dan isu-isu lain dengan Dr Mahathir.

Setiausaha Negara Indonesia, Akbar Tanjung mengumumkan dua hari lalu bahawa Habibie membatalkan lawatan tersebut disebabkan kepadatan tugasnya yang memerlukan beliau berada di dalam negara.

Alatas yang mengesahkan sebab-sebab bagi pembatalan lawatan itu hari ini berkata adalah sukar bagi Habibie untuk membuat lawatan ke luar negeri tatkala Indonesia tidak mempunyai Naib Presiden untuk mengambil alih tugas negara semasa ketiadaannya.

Bagaimanapun belum ada keputusan dibuat mengenai sama ada Habibie akan menghadiri persidangan forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di Kuala Lumpur bulan depan dan sidang kemuncak ASEAN yang akan datang kerana masih terdapat banyak masa untuk menimbanginya.

Alatas berkata hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia masih baik seperti biasa dan tidak terjejas oleh perkembangan di negara jiran itu.

-- BERNAMA

abu oba